

Bekas jurutera JPS didenda RM8,000

UM 26/11/2006

SHAH ALAM 24 Nov. - Bekas Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Selangor, Nor Rafidah Dan mengaku bersalah menerima wang tunai RM10,000 yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya oleh seorang kontraktor, hari ini didenda RM8,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini.

Hukuman ke atas Nor Rafidah, ibu kepada lima orang anak, dijatuhkan oleh Hakim Datuk Mariana Yahya. Dia yang ditemani oleh suami, anak-anak dan ahli keluarga yang lain, kelihatan tenang sepanjang prosiding.

Mariana berkata, beliau mengambil kira pengakuan bersalah Nor Rafidah telah menjimatkan masa dan kos mahkamah meskipun kes sudah berada di tahap sambung bicara.

Selain itu, ujar Mariana, mahka-

mah juga tidak mengeneipkan fakta bahawa Nor Rafidah telah membuat pembayaran balik jumlah wang tersebut kepada pengadu.

Nor Rafidah, 48, yang diwakili peguam Zamani Ibrahim membayar denda. Pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya dari Badan Pencegah Rasuah, Nazlyza Mohd. Nazri.

Dia yang didakwa pertama kali di mahkamah pada 15 Mei 2002 atas tuduhan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan bagaimanapun menukar pengakuannya kepada bersalah Rabu lalu selepas beberapa orang saksi memberikan keterangan.

Nor Rafidah mengaku menerima wang tunai RM10,000 yang dimasukkan oleh Othman Mohamed ke dalam akaunnya tanpa sebarang balasan daripada lelaki terbabit sedangkan dia mengetahui ia ada kaitan

dengan tugas rasminya ketika itu.

Nor Rafidah mengaku melakukan perbuatan tersebut pada 14 Ogos 1999 di Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Cawangan Wisma HICOM, Glenmarie di sini.

Fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebelum ini menyebut, pembantu teknik kanan akan membuat sokongan ke atas permohonan daripada syarikat-syarikat, sebelum diluluskan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Nor Rafidah dalam kerja-kerja sebagai pengerusi pemilihan sebut harga.

Dalam hal tersebut, dia mengaku telah memberikan sebut harga projek kepada Pembinaan Hidayah, syarikat pemborong Kelas F milik Othman dan Perniagaan Azlin Abd. Aziz (milik adik ipar Othman) walaupun syarikat terbabit tidak berada dalam senarai sokongan.